

berkepentingan lain. Menerusi penyertaan aktif dalam platform perkongsian maklumat global, khususnya berkaitan amalan pengawasan serantau, SC berusaha menangani salah laku korporat dan dagangan rentas sempadan. Pendekatan pengawalseliaan Malaysia oleh itu kekal selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Bagi memperkukuh kecekapan dan kebolehpercayaan aktiviti pengawasan, SC terus memanfaatkan penyelesaian teknologi bagi mencapai hasil yang lebih pantas. Melangkah ke hadapan, kami sedang meneroka penggunaan AI generatif untuk memperkukuh set alat pengawasan kami, khususnya dalam meningkatkan keupayaan pengesanan dan membolehkan pengawasan yang lebih berasaskan risiko. Alat-alat ini akan menyokong pengenalan awal isu berpotensi melalui analitik data lanjutan dan pengecaman corak, menambah baik keutamaan dengan mengarahkan tumpuan pengawasan kepada entiti dan aktiviti berisiko lebih tinggi, serta meningkatkan keupayaan kami untuk memantau pendedahan berkaitan kemampunan secara cekap. Dengan mengambil kira pengalaman rakan pengawal selia antarabangsa, kami secara proaktif meneroka penggunaan analitik lanjutan bagi memperkukuh keupayaan untuk mengesan dan menilai transaksi kewangan tidak teratur serta salah laku dagangan dalam persekitaran pasaran yang semakin kompleks. Melalui penambahbaikan berterusan terhadap alat, proses dan bidang tumpuan, kami kekal komited untuk memelihara integriti korporat dan pasaran, ketelusan serta kebertanggungjawaban – nilai-nilai yang menjadi asas kepercayaan pelabur dan pemacu pertumbuhan pasaran modal yang mampan.

## **Pemantauan dan Pengawasan Berterusan Ke Atas Isu Bon Korporat dan Sukuk**

### ***Pemantauan Risiko Kredit dalam Pasaran Bon Korporat dan Sukuk***

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SC untuk memantau pasaran bon korporat dan sukuk, SC secara aktif mengenal pasti serta memantau penerbit yang menghadapi tekanan kredit. Pada masa ini, penerbit-penerbit ini mewakili kurang daripada 2% pasaran dan terutamanya terdiri daripada sektor pengangkutan, hartanah dan kewangan. Sebahagian daripada penerbit ini telah mendapatkan persetujuan pelabur bagi langkah-langkah seperti lanjutan tempoh untuk memenuhi perjanjian kewangan, penangguhan pembayaran kupon atau prinsipal, atau pengaturan pembiayaan semula lain bagi mengurus obligasi kewangan mereka dengan lebih baik. Secara keseluruhan, pasaran bon korporat Malaysia kekal berdaya tahan, didominasi oleh penerbit

bon korporat bertaraf penarafan tinggi daripada sektor kewangan, hartanah, serta infrastruktur dan utiliti.

Dalam pasaran bon korporat dan sukuk, peserta pasaran memainkan peranan penting dalam memelihara integriti pasaran dengan mematuhi peraturan serta melindungi kepentingan pelabur. Bagi menyokong objektif ini, SC telah melibatkan diri secara aktif dengan pihak berkepentingan utama — seperti agensi penarafan kredit, agensi penentuan harga bon, serta pemegang amanah bon dan sukuk — sepanjang tahun 2025. Libat urus ini memberi tumpuan kepada perkongsian kepakaran, pertukaran pandangan, serta menangani cabaran semasa dan yang sedang muncul.

## **PENGAWASAN**

### **Pengawasan Teknologi**

#### ***Memperkukuh Daya Tahan Siber sebagai Peneraju Sektor di bawah Akta Keselamatan Siber 2024***

Tahun 2025 menandakan titik penting bagi SC dalam usaha menyatukan dan melaksanakan agenda daya tahan siber negara. Bersandarkan pencapaian pengawalseliaan utama pada tahun 2024, khususnya pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi (GTRM) yang disemak semula serta *Akta Keselamatan Siber 2024* (Akta Keselamatan Siber), tumpuan SC adalah terhadap pelaksanaan yang berkesan, pengukuhan libat urus pengawasan, dan pengoperasian mandat yang diperluas sebagai Peneraju Sektor bagi Perbankan dan Kewangan.

Tahun 2025 juga menandakan kitaran pengawasan penuh pertama di bawah keperluan yang dipertingkatkan, susulan penguatkuasaan GTRM pada Ogos 2024. SC telah mempertingkatkan pengawasan terhadap entiti pasaran modal bagi memastikan penjajaran dengan piawaian GTRM merangkumi struktur tadbir urus, mekanisme pelaporan, amalan pengurusan risiko pihak ketiga, audit teknologi, serta tanggungjawab pengawasan lembaga. Ini termasuk penilaian tematik berfokus, libat urus dengan lembaga dan pengurusan kanan, serta pemantauan berterusan untuk memperkukuh kebertanggungjawaban dan daya tahan terhadap ancaman teknologi dan siber yang semakin berkembang.

Sejak pewartaan *Akta Keselamatan Siber* pada Jun 2024 dan pelantikan SC sebagai Peneraju Sektor bagi sektor perbankan dan kewangan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada September 2024, SC telah mula mengoperasikan tanggungjawab

Peneraju Sektor termasuk menjalankan penilaian awal dan menetapkan entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII), membangunkan Kod Amalan Keselamatan Siber khusus sektor, serta mewujudkan mekanisme pemantauan pematuhan dan penyelarasan insiden pada peringkat sektoral. Inisiatif ini penting bagi memastikan infrastruktur kewangan negara beroperasi di bawah piawaian asas keselamatan siber yang padu dan seragam di seluruh sektor.

Dengan selesainya latihan penetapan NCII pada akhir tahun 2024, keutamaan SC pada tahun 2025 adalah untuk mengawas dan menyokong pematuhan oleh entiti yang ditetapkan. Dibangunkan selaras dengan GTRM, amalan terbaik industri dan keperluan statutori di bawah Akta Keselamatan Siber, Kod Amalan ini menetapkan kawalan keselamatan dan proses minimum yang dijangka daripada entiti NCII. Sepanjang tahun ini, SC bekerjasama rapat dengan entiti yang dikawal selia untuk membimbing pelaksanaan, memperkukuh struktur pengawasan, serta memastikan pelaporan insiden dan mekanisme tindak balas yang mantap.

Selari dengan itu, SC turut mempertingkatkan kesiapsiagaan pasaran modal Malaysia terhadap ancaman kuantum melalui kerjasama aktif dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia (PTPKM) dalam merangka pelan migrasi Kriptografi Pasca-Kuantum (PQC) peringkat nasional. Bersandarkan libat urus dengan NACSA pada tahun 2025, SC kini memberi tumpuan kepada perancangan khusus sektor bagi memastikan sistem kritikal pasaran modal berada pada kedudukan yang bersedia untuk peralihan kriptografi masa hadapan, selaras dengan perkembangan global.

Secara keseluruhan, inisiatif yang merangkumi pelaksanaan GTRM, pengaktifan fungsi peneraju sektor, pengoperasian pematuhan NCII, serta pemerksaan daya tahan PQC ini menegaskan peranan SC pada tahun 2025 sebagai pemangkin utama dan peneraju nasional dalam pemantauan risiko teknologi dan tadbir urus siber. Melalui penyepaduan mandat pengawalseliaannya dengan peranan nasional yang diperluas di bawah Akta Keselamatan Siber, SC memacu daya tahan siber sistemik merentasi sektor kewangan dan menyumbang secara bermakna kepada objektif keselamatan siber negara yang lebih luas.

**Pendekatan Pemantauan dan Pengawasan Teknologi**

Pada tahun 2025, SC terus memajukan agenda pemantauannya dengan memberi tumpuan yang lebih mendalam terhadap tadbir urus teknologi dan siber bagi meningkatkan daya tahan merentasi pasaran modal.

Menyedari evolusi pesat teknologi dan peningkatan kerumitan risiko teknologi, SC meneruskan penilaian terhadap pemohon baharu serta entiti pasaran modal terpilih bagi memastikan ekosistem pasaran modal yang selamat dan ditadbir urus dengan baik.

SC mengguna pakai pendekatan penyeliaan pelbagai dimensi untuk menilai amalan pengurusan risiko teknologi dan siber di seluruh pasaran modal. Sebanyak 233 penilaian telah dijalankan pada tahun 2025, meliputi bidang utama tadbir urus teknologi, pengurusan risiko dan pematuhan, melalui:



**Penilaian Berstruktur**

Tiga penilaian telah dijalankan menggunakan pendekatan pengawasan berasaskan risiko yang dirancang bagi mengenal pasti entiti dengan profil risiko yang lebih tinggi. Proses sistematik ini membolehkan SC menilai amalan pengurusan risiko teknologi dan siber berdasarkan tahap pendedahan risiko.



**Semakan Tematik**

Semakan ini dicetuskan oleh insiden utama dan memberi tumpuan kepada bidang risiko lazim dalam kalangan entiti yang terlibat. Semakan ini membantu mengenal pasti jurang sistemik serta mengukuhkan daya tahan teknologi dan siber bagi mengurangkan ancaman pada masa hadapan.



**Penilaian Bersebab**

Sebanyak 230 penilaian telah dimulakan susulan insiden yang menimbulkan kebimbangan pengawasan. Penilaian bersasar ini dijalankan terhadap entiti tertentu bagi menangani salah laku serta memperkukuh kebertanggungjawaban di seluruh pasaran.

Semakan pengawasan telah mengenal pasti bidang utama untuk penambahbaikan lanjut, termasuk–

- meningkatkan penajaran dengan rangka kerja dalaman risiko teknologi bagi memastikan liputan yang konsisten merentas semua operasi;
- memperkukuh pengawasan terhadap perkhidmatan teknologi yang disumberluarkan bagi meningkatkan daya tahan;

- memodenkan sistem pengeluaran bagi mengoptimalkan prestasi dan melindungi daripada ancaman siber yang semakin berkembang; dan
- memajukan keupayaan analitik serta kesiapsiagaan tindak balas insiden bagi memperkukuh persediaan menghadapi ancaman pada masa hadapan.

Penilaian ini bertujuan memastikan entiti melaksanakan struktur tadbir urus yang kukuh serta amalan pengurusan risiko teknologi dan siber yang mantap selaras dengan GTRM SC. Entiti juga digalakkan untuk mengamalkan amalan terbaik industri bagi terus mempertingkatkan daya tahan teknologi dan siber mereka.

**Simulasi Siber Pasaran Modal**

Sebagai sebahagian daripada inisiatif SCxSC, SC telah melaksanakan Simulasi Siber Pasaran Modal (CMCS) 2025 dengan penyertaan 115 entiti. Entiti-entiti ini dipilih berdasarkan tahap kebergantungan mereka terhadap teknologi dalam operasi harian.

Dilaksanakan dengan kerjasama NACSA dan CyberSecurity Malaysia (CSM), CMCS 2025 menegaskan komitmen SC untuk memperkukuh tadbir urus teknologi dan daya tahan siber merentasi pasaran modal.

Simulasi ini direka bentuk untuk—


- menilai keupayaan peserta dalam tindak balas dan pemulihan insiden;
- mengenal pasti potensi jurang dalam keupayaan teknologi dalam pasaran modal;
- meningkatkan kesiapsiagaan industri terhadap prosedur eskalasi insiden yang berkesan; dan
- menggalakkan penggunaan portal SC Vault bagi pelaporan insiden yang berstruktur dan tepat pada masanya.

Tema CMCS 2025, *Silent Theft: Tracing the Invisible Intruders*, menampilkan tiga senario — serangan rantaian bekalan, pergerakan lateral, dan pelanggaran data — yang direka untuk menguji tahap kesiapsiagaan industri dalam mengurus insiden yang kompleks.

**Hasil Utama**


Walaupun senario, soalan dan artifak menjadi semakin kompleks, entiti yang mengambil bahagian menunjukkan peningkatan ketara dalam tahap kematangan tindak balas insiden. Kebanyakan entiti berjaya mengenal pasti penemuan kritikal dalam jangka masa yang munasabah, menandakan tahap kesiapsiagaan yang lebih kukuh serta keupayaan tindak balas yang lebih berkesan.

**CARTA 1**  
Hasil CMCS 2025



Namun begitu, latihan ini turut menonjolkan jurang dalam keupayaan teknikal lanjutan, sekali gus menggariskan keperluan untuk pelaburan berterusan dalam kemahiran keselamatan siber dan infrastruktur bagi menangani ancaman yang lebih sofistikated.

**CARTA 2**



**Arah Aliran Insiden Teknologi dan Siber**

SC Vault merekodkan peningkatan ketara dalam insiden yang dilaporkan, mencerminkan tahap kewaspadaan yang lebih tinggi serta amalan pelaporan yang semakin baik merentasi pasaran modal. Daripada keseluruhan insiden yang direkodkan, 68.6% adalah berkaitan teknologi manakala 31.4% diklasifikasikan sebagai insiden siber. Taburan ini menonjolkan cabaran operasi yang berterusan dalam landskap teknologi dan mengukuhkan keperluan terhadap pertahanan siber yang lebih kukuh.

**Sorotan Bulanan**

- Bulan Ogos mencatat bilangan insiden teknologi tertinggi yang dilaporkan, didorong terutamanya oleh kegagalan rangkaian dan komunikasi.
- Sebaliknya, April 2025 merekodkan bilangan insiden siber tertinggi, kebanyakannya berpunca daripada siri akses dan pencerobohan tidak dibenarkan yang menjejaskan beberapa broker.

Sebagai tindak balas, SC melancarkan siasatan menyeluruh dan memperkukuh libat urus pengawasan, dengan penekanan yang lebih besar terhadap pengurusan risiko pihak ketiga sebagai komponen kritikal dalam strategi keselamatan teknologi dan

siber. Langkah-langkah ini bertujuan untuk melindungi daya tahan operasi dan mengekalkan integriti pasaran terhadap ancaman yang sentiasa berkembang.

**Pengawasan Pengantara Pasaran Modal**

SC meneruskan pemantauan luar lokasi terhadap perantara pasaran modal melalui penyerahan kawal selia, analisis data dan libat urus ad hoc. Seiring dengan usaha ini, SC turut mengguna pakai pelbagai alat pengawasan di lokasi, termasuk penilaian pengawasan berstruktur secara berkala, semakan tematik serta penilaian bersebab yang disasarkan susulan aduan dan rujukan.

**Penilaian Pengawasan Berstruktur**

SC telah menjalankan 29 penilaian pengawasan berstruktur terhadap perantara pasaran modal terpilih sepanjang tahun. Penilaian ini dipandu oleh pendekatan pengawasan berfokus risiko. Melaluinya perantara dipilih berdasarkan profil risiko mereka — dengan mengambil kira risiko semula jadi, toleransi risiko dan strategi, serta keberkesanan tadbir urus dan kawalan dalaman. Pendekatan ini memastikan sumber pengawasan diperuntukkan kepada bidang yang berisiko lebih tinggi bagi memberikan impak yang lebih besar.

Sebanyak dua penilaian tematik telah dijalankan bagi menangani arah aliran yang dikenal pasti, risiko baharu dan jurang pematuhan dalam kalangan perantara. Semakan ini membolehkan SC bergerak melepasi pendekatan berfokus kepada sesebuah firma sahaja, sebaliknya memberi tumpuan kepada hasil sektor secara keseluruhan dan mitigasi risiko sistemik.

Sebanyak 180 penilaian bersebab telah dijalankan susulan aduan dan rujukan berkaitan salah laku. Semakan bersasar ini memperkukuh kebertanggungjawaban dan mengekalkan integriti pasaran.

**JADUAL 16**

**Penilaian pengawasan perantara**

Jenis Penilaian	Bilangan Penilaian yang Diselesaikan	
	2025	2024
Penilaian pengawasan berstruktur	29*	41
Penilaian bersebab	180	169
Semakan tematik industri	2**	2

Nota:

- \* Bilangan perantara yang dikenal pasti untuk penilaian ini ditentukan melalui penilaian faktor risiko yang telah ditetapkan.
- \*\* Dua semakan tersebut melibatkan penilaian terhadap aktiviti pemasaran dan pengedaran produk UT dan produk berstruktur oleh bank, serta satu semakan tematik ke atas Pemegang Amanah Unit Amanah.

Kebimbangan yang dikenal pasti melalui pelbagai aktiviti penyeliaan telah disampaikan dengan segera kepada perantara melalui pelbagai saluran bagi memastikan tingkah laku mereka kekal selaras dengan jangkaan kawal selia kami.

Secara berasingan, SC sedang menjalankan semakan ke atas syarikat broker saham (SBC) untuk menilai keberkesanan operasi teknologi dan pengurusan risiko keselamatan siber, termasuk pengawasan terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga, selaras dengan keperluan GTRM.

**JADUAL 17**

**Hasil pengawasan**

Hasil pengawasan	2025	2024
Rujukan untuk tindakan penguatkuasaan pentadbiran	10	5
Komunikasi/ libat urus industri	8	9
Pengeluaran Notis Pelanggaran	34	28
Pengeluaran surat pengawasan	6	6
Pengeluaran surat tunjuk sebab	4	4
Pengeluaran surat sekatan	5	1

Berdasarkan keperluan sedia ada, SC akan mengeluarkan panduan tambahan bagi memperkukuh lagi tadbir urus risiko teknologi dan siber oleh SBC. Panduan ini akan memberi penekanan yang lebih besar terhadap pengawasan penyedia perkhidmatan pihak ketiga serta jaminan terhadap daya tahan sistem teknologi dan persekitaran kawalan.

**1. Semakan Tematik mengenai Peranan Pemantauan Pemegang Amanah bagi Skim Unit Amanah**


Pemegang amanah bagi dana Unit Amanah (UT) dilantik untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemegang unit dan beroperasi di bawah surat ikatan amanah yang menetapkan peranan serta tanggungjawab pemegang amanah, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC) dan pemegang unit, termasuk tugas pemantauan oleh pemegang amanah.

Bagi menilai kecukupan dan keberkesanan peranan pemantauan ini, SC telah mengeluarkan soal selidik kepada semua pemegang amanah UT dan menjalankan penilaian di lokasi terhadap pemegang amanah terpilih, dengan tumpuan kepada kawalan pengurusan risiko serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sekuriti.

### Pemerhatian Utama


#### Prosedur Penerimaan

Pemegang amanah umumnya mengekalkan proses penerimaan yang kukuh untuk dana baharu. Proses ini melibatkan kerjasama antara pasukan pembangunan perniagaan, pematuhan, perundangan, dan operasi, dengan kelulusan peringkat jawatankuasa bagi memastikan semakan danimbangan yang betul. Langkah utama termasuk melengkapkan senarai semak konflik kepentingan dan senarai semak pemegang amanah pihak berkaitan, menjalankan saringan antipengubahan wang haram, serta menyemak surat ikatan amanah dan prospektus.



#### Tanggungjawab Pemantauan

Tanggungjawab pemantauan pemegang amanah merangkumi pengawasan terhadap penciptaan dan pembatalan unit, penempatan pelaburan, serta penyelesaian transaksi. Mereka turut berinteraksi secara aktif dengan UTMC bagi menangani isu seperti data atau amalan yang tidak standard, pelanggaran had pelaburan, dan ketidaktepatan penilaian.




#### Amalan Pemantauan Dipertingkatkan

Sebahagian pemegang amanah telah memperkukuh pengawasan dengan meningkatkan kekerapan penyelarasan kepada harian dan menjalankan semakan di lokasi secara bebas, bukan hanya bergantung kepada soal selidik semata-mata. Langkah-langkah ini meningkatkan ketelusan, kebertanggungjawaban, serta integriti operasi dana.



#### Jaminan Audit Dalam

Sebahagian pemegang amanah menjalankan audit dalam tahunan ke atas segmen perniagaan unit amanah mereka, dengan memberikan jaminan bebas dan objektif mengenai operasi, pematuhan, dan tadbir urus.



### Hasil

Penilaian memberikan jaminan kukuh bahawa pemegang amanah UT melaksanakan tanggungjawab pemantauan mereka dengan berkesan selaras dengan jangkaan kawal selia. Selain itu, beberapa pemegang amanah turut menunjukkan langkah proaktif melebihi keperluan minimum, sekali gus mengukuhkan kewajipan fidusiari mereka untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemegang unit. Inisiatif ini mencerminkan komitmen untuk meningkatkan tadbir urus, ketelusan dan integriti operasi dalam industri unit amanah.

**2. Penilaian terhadap penerapan faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus dalam proses pelaburan syarikat pengurusan dana**

SC terus mengintegrasikan faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam syarikat pengurusan dana (FMC), merangkumi proses pelaburan, pengurusan risiko serta aktiviti pengawasan.

Pada Jun 2022, SC mengeluarkan Nota Panduan mengenai Pengurusan Risiko ESG untuk Syarikat Pengurusan Dana, yang menggariskan jangkaan berkaitan pengurusan risiko ESG serta peranan pengawasan terhadap syarikat pelaburan. Bagi memantau kemajuan, satu penilaian sendiri peringkat industri telah dijalankan pada tahun 2023.

Berdasarkan perkara ini, satu semakan bersasar telah dijalankan pada tahun 2025 ke atas FMC terpilih bagi mengesahkan pelaksanaan Nota Panduan ESG serta pematuhan terhadap Garis Panduan SC mengenai Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Garis Panduan Dana SRI). Semakan ini memberi tumpuan kepada bidang-bidang utama, termasuk penjajaran nama dana SRI dengan ciri kemampuannya, pendedahan kelayakan SRI dalam dokumen tawaran, serta memastikan sekurang-kurangnya dua pertiga Nilai Aset Bersih (NAB) dilaburkan dalam instrumen yang mematuhi kriteria kemampuan.

Inisiatif ini memperkukuh komitmen SC untuk menggalakkan amalan pelaburan bertanggungjawab serta memperkukuh keyakinan pelabur terhadap ekosistem kewangan mampan Malaysia.

**Pemerhatian Utama**

Semakan tahun 2025 menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam pengintegrasian ESG merentasi industri pengurusan dana, khususnya dalam kalangan FMC berskala besar. Antara dapatan penting termasuk:

 <p>Kebanyakan FMC besar (AUM &gt; RM10 bilion) dan sebahagian FMC yang lebih kecil telah melaksanakan rangka kerja ESG bagi membimbing keputusan pelaburan dan pengurusan risiko.</p>	 <p>Kebanyakan FMC mempunyai jawatankuasa khusus yang memantau strategi pelaburan bertanggungjawab.</p>
 <p>Penilaian risiko ESG semakin mantap melalui penggunaan skor dalaman, penarafan pihak ketiga dan penilaian bebas.</p>	 <p>Pengawasan yang lebih kukuh melalui libat urus ESG bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan jangka panjang.</p>
 <p>FMC besar menggunakan pengesahan bebas untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko pencucian hijau.</p>	 <p>FMC memperkukuh keupayaan ESG melalui pengambilan pekerja khusus, latihan serta kelayakan profesional.</p>
 <p>Penyelarasan dengan piawaian global seperti Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPRI) dan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) dapat memperkukuh amalan ESG.</p>	 <p>FMC yang mengurus dana SRI mematuhi Garis Panduan Dana SRI dengan memastikan penamaan dana yang wajar, pendedahan SRI yang jelas, serta mengekalkan sekurang-kurangnya dua pertiga NAB dilaburkan dalam instrumen mampan.</p>

**Hasil**

Secara keseluruhan, pertimbangan ESG semakin menjadi amalan standard dalam industri pengurusan dana, khususnya dalam kalangan FMC besar. FMC yang lebih kecil digalakkan untuk mempercepat penerapan amalan ESG bagi kekal berdaya saing dan menarik generasi pelabur baharu yang mengutamakan model perniagaan beretika dan mampan. SC kekal komited untuk memajukan agenda ini melalui penyediaan panduan dan kejelasan yang jelas, memperkukuh jangkaan kawal selia, serta menyokong penambahbaikan berterusan keupayaan ESG merentasi industri. Usaha-usaha ini bertujuan meletakkan Malaysia sebagai pasaran peneraju bagi pelaburan bertanggungjawab dan mampan.

## Pengawasan Bursa dan Infrastruktur Pasaran Kewangan

### *Pengawasan Bursa Malaysia Bhd*

Sebagai satu-satunya kumpulan bursa bersepadu di Malaysia, Bursa Malaysia Bhd memikul obligasi berkanun untuk memastikan pasaran yang adil dan teratur, melindungi kepentingan pelabur, melaksanakan pengurusan risiko yang berhemat serta mengekalkan sumber kewangan, modal insan dan teknologi yang mencukupi. Ini merangkumi sistem automasi dengan kapasiti yang mencukupi serta langkah keselamatan yang kukuh bagi menyokong aktiviti pasaran.

Teknologi kekal sebagai komponen teras dalam infrastruktur Bursa Malaysia. Dengan sistem yang semakin automatik dan saling berhubung, memastikan kebolehpercayaan dan daya tahan sistem kritikal Bursa Malaysia adalah amat penting bagi membolehkan fungsi dan tanggungjawabnya dilaksanakan dengan berkesan.

Pada tahun 2025, SC telah menyelesaikan penilaian pengawalseliaan (RA) yang memfokuskan kepada rangka kerja pengurusan risiko teknologi Bursa Malaysia. Semakan ini memberi tumpuan kepada tadbir urus Lembaga Pengarah terhadap aspek strategik dan risiko, pengurusan teknologi dan keselamatan siber, pengurusan modal insan serta pengawasan ke atas penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Semakan turut menilai keberkesanan respons Bursa Malaysia terhadap protokol pengendalian krisis susulan beberapa insiden tertentu.

Secara keseluruhan, infrastruktur dan sistem IT Bursa Malaysia adalah memadai untuk memenuhi keperluan semasa. Bagi memperkukuh daya tahan dan menyokong pertumbuhan jangka panjang, beberapa bidang penambahbaikan telah dikenal pasti, dengan tumpuan kepada kesiapsiagaan masa hadapan dan kecemerlangan operasi. Bidang yang perlu dipertimbangkan termasuk:

- Memperkukuh pemantauan kapasiti sistem dagangan serta mekanisme amaran awal.
- Meluaskan skop pengawasan dan pemantauan ke atas penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Pada Ogos 2025, SC telah mengadakan dialog peringkat tinggi dengan Lembaga Bursa Malaysia berhubung dapatan RA, dengan menekankan peranan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan pengawasan yang berkesan serta memenuhi tanggungjawab mereka dalam menangani isu-isu yang telah dikenal pasti.

### *Penilaian Semula Cadangan Penubuhan Anak Syarikat Kawal Selia Bursa Malaysia*

Pada tahun 2020, SC dan Bursa Malaysia telah bersama-sama mengumumkan cadangan untuk menubuhkan anak syarikat kawal selia Bursa Malaysia (Bursa RegSub) bagi mengambil alih fungsi kawal selia yang dilaksanakan oleh Bursa Malaysia. Objektif utama penubuhan Bursa RegSub adalah untuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus konflik kepentingan (COI) Kumpulan Bursa Malaysia dengan mewujudkan pengasingan yang lebih ketara antara peranan kawal selia dan aktiviti komersial.

Walau bagaimanapun, sementara menunggu pindaan perundangan ke arah penubuhan Bursa RegSub, Bursa Malaysia telah memperkukuh rangka kerja COI secara sistematik, termasuk menggabungkan cadangan-cadangan berkaitan penubuhan Bursa RegSub yang dicadangkan ke dalam model tadbir urusnya pada tahun 2021.

Berikutan perkembangan ini, telah dipersetujui bahawa tiada keperluan untuk meneruskan penubuhan Bursa RegSub pada peringkat ini. SC akan terus memantau dan menyelia Kumpulan Bursa Malaysia bagi memastikan sebarang isu tadbir urus dapat ditangani atau dikurangkan secara berkesan.

### *Pengawasan Pengendali Pasaran Diiktiraf*

Rangka kerja kawal selia SC terhadap RMO – merangkumi ECF, pembiayaan P2P, Bursa Aset Digital (DAX), Platform Perkhidmatan Elektronik serta platform Tawaran Awal Bursa (IEO) – direka bentuk untuk memupuk inovasi kewangan yang bertanggungjawab sambil mengekalkan pendekatan penyeliaan yang seimbang. Rangka kerja ini memastikan pengendali mematuhi tatakelakuan yang sewajarnya, melindungi kepentingan pelabur dan memelihara integriti pasaran.

Bagi mencapai matlamat tersebut, SC mengguna pakai pendekatan pengawasan berasaskan risiko, dengan memanfaatkan data seperti risiko khusus mengikut jenis pengendali dan aktiviti, serta arah aliran aduan. Alat pengawasan yang digunakan merangkumi interaksi berkala dengan pengendali, semakan berterusan terhadap penyerahan pengawalseliaan, semakan tematik, RA serta pengendalian aduan. Semakan ini meliputi aspek tadbir urus, operasi, keselamatan siber dan integriti sistem. Pada tahun 2025, tumpuan pengawasan SC adalah terutamanya pada AML/CFT berikutan peningkatan risiko asas yang diperhatikan dalam ekosistem RMO.

SC terus memperhalusi pendekatan pengawasannya selaras dengan tahap kematangan pasaran yang semakin berkembang, dengan RMO dijangka mengekalkan piawaian tadbir urus, pematuhan dan amalan pengurusan risiko yang lebih tinggi. Usaha-usaha ini bertujuan memastikan rangka kerja penyeliaan SC berkembang seiring dengan trajektori pertumbuhan ruang ini serta peranan RMO yang semakin meluas dalam ekosistem pasaran modal yang lebih luas. Usaha pengawasan yang dilaksanakan merangkumi:

- Melaksanakan sembilan RA yang menumpukan kepada pematuhan terhadap keperluan antipengubahan wang haram serta kecukupan dan keberkesanan rangka kerja usaha wajar berterusan.
- Menyelesaikan satu penilaian tematik bagi menilai pematuhan terhadap Garis Panduan Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan (Garis Panduan Pengiklanan); dan
- Melaksanakan 63 penilaian *ad hoc* susulan aktiviti pemantauan, aduan serta rujukan yang diterima daripada orang awam dan agensi kawal selia lain.

SC telah mengenal pasti beberapa bidang utama untuk penambahbaikan bagi memperkukuh budaya pematuhan dan kecekapan operasi dalam kalangan RMO. Ini termasuk pelaksanaan dasar dan prosedur secara konsisten, penambahbaikan amalan penyimpanan rekod, serta pengukuhan tadbir urus dan pengawasan oleh Lembaga.

**JADUAL 17**

**Hasil pengawasan susulan penilaian terhadap RMO**

Hasil Pengawasan	2025	2024
Rujukan untuk tindakan penguatkuasaan pentadbiran	1	-
Komunikasi/ libat urus industri	5	3
Pengeluaran notis pelanggaran	9	3
Pengeluaran surat pengawasan	2	2
Pengeluaran surat tunjuk sebab	-	1
Pengeluaran surat sekatan	-	1

**Pengawasan Organisasi Kawal Selia Kendiri**

Pengawasan SC terhadap Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) bertujuan memastikan FIMM melaksanakan peranannya sebagai organisasi kawal selia sendiri (SRO) dengan berkesan bagi melindungi kepentingan awam dan menjaga kepentingan pelabur.

Pada tahun 2025, SC telah melakukan libat urus dengan FIMM mengenai perkara strategik termasuk keutamaan pengawalseliaan, keberkesanan operasi dan kemampuan. Libat urus ini disokong oleh semakan berterusan terhadap penyerahan pengawalseliaan bagi memastikan FIMM terus mematuhi keperluan statutori serta selaras dengan jangkaan kawal selia.

SC telah mengambil bahagian dalam acara utama anjuran FIMM bagi mendapatkan pandangan mengenai perkembangan industri dan amalan terbaik. Dalam Persidangan Persatuan Dana Pelaburan Antarabangsa 2025, SC memerhatikan usaha kolaboratif dan perbincangan antara ahli-ahli global mengenai cabaran bersama dalam industri dana pelaburan. Selain itu, semasa konvensyen tahunan FIMM, SC turut meneliti arah aliran baharu dalam pengurusan dana, khususnya berkaitan amalan pemasaran, pengagihan dan jualan bagi skim unit amanah serta skim persaraan swasta.

Selain usaha FIMM dalam pembangunan kawal selia dan industri, SC mendapati bahawa FIMM terus mengutamakan pemprofilan industri, penajaan hasil dan pembinaan kapasiti. Usaha-usaha ini bertujuan memperkukuh kedudukannya sebagai Organisasi Kawal Selia Sendiri (SRO), meningkatkan kecekapan operasi, serta mempertingkatkan pemahaman industri terhadap keperluan dan jangkaan kawal selia.

**Pengawasan Pentadbir Persaraan Swasta**

SC mengawasi Pentadbir Persaraan Swasta (PPA) bagi memastikan ia melaksanakan peranannya secara berkesan sebagai pentadbir pusat untuk PRS, termasuk menyediakan pendidikan mengenai pelaburan dan simpanan persaraan melalui PRS.

Pada tahun 2025, PPA terus memudahkan perkhidmatan pendaftaran dan tambah nilai melalui platform PRS Dalam Talian untuk kedua-dua ahli dan orang awam. Ia juga melaksanakan usaha untuk mempertingkatkan operasi serta menambah baik pendidikan pelabur melalui penambahbaikan sistem, inisiatif pemasaran, dan kempen promosi. Usaha-usaha ini penting untuk meningkatkan kecekapan operasi PPA, meningkatkan

kesedaran orang awam, dan mempertingkatkan literasi kewangan, sekali gus menyokong pertumbuhan mampan industri PRS.


### ADUAN DAN PERTANYAAN

SC mencatatkan peningkatan ketara dalam aduan dan pertanyaan yang diterima pada 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun 2025, SC menerima sejumlah 6,893 kes, yang terdiri daripada 2,462 aduan dan 4,431 pertanyaan. Ini mewakili peningkatan sebanyak 22% berbanding 2024 (Carta 3).


Peningkatan tersebut terutamanya disumbangkan oleh aktiviti tanpa lesen dan penipuan, yang masing-masing membentuk 61% dan 70% daripada jumlah aduan dan pertanyaan yang diterima (Carta 4 dan Carta 5).

**CARTA 3**  
Aduan dan Pertanyaan (2023-2025)




Nota:  
\* Angka tersebut menggambarkan bilangan pengadu dan pertanyaan berbanding angka yang dilaporkan dalam *Laporan Tahunan SC 2024* yang dikira berdasarkan bilangan aduan dan pertanyaan yang diterima.

**CARTA 4**  
Pengelasan aduan



**CARTA 5**  
Pengelasan pertanyaan




### Aktiviti Tanpa Lesen dan Penipuan

SC mendapati peningkatan dalam jumlah keseluruhan aduan dan pertanyaan yang diterima pada 2025. Berbanding 2023, jumlah pertanyaan yang diterima pada 2025 menunjukkan peningkatan sebanyak 157%.

Peningkatan pertanyaan berbanding aduan mencerminkan kesedaran orang awam yang lebih tinggi serta kesediaan untuk melaporkan aktiviti sedemikian.

**CARTA 6**  
Aduan dan pertanyaan mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen



Nota:  
\* Angka tersebut menggambarkan bilangan pengadu dan pertanyaan berbanding angka yang dilaporkan dalam *Laporan Tahunan SC 2024* yang dikira berdasarkan bilangan aduan dan pertanyaan yang diterima.